

# Penyair wanita dibuai perasaan

» Puisi peribadi jadi kegagalan menangi anugerah tertinggi

Oleh Latifah Arifin

latifah@bh.com.my

“Penyair wanita perlu mengutamakan penulisan karya yang mengangkat perkara lebih penting seperti menegakkan identiti dan warisan bangsa, nilai moral serta isu kebahasaan, sekali gus tidak tertumpu kepada puisi pengalaman yang berunsur emosi semata-mata”

Arbak Othman,  
Felo FBMK UPM



Siti Zainon Ismail

Wanita dan puisi meninggalkan seribu tanda tanya apabila nama penyair wanita mutakhir jarang tersenarai sebagai pemenang sayembara atau pengiktirafan sastera baik pada peringkat negeri atau kebangsaan, sekali gus menimbulkan persoalan setakat mana kedudukan mereka dalam ranah kesusteraan.

Apakah ‘singgahsana’ puisi akan terus diduduki oleh penyair lelaki kerana memerlukan ‘mahkota’ yang menuntut pemikiran dan ketinggian bahasa yang sukar ‘dikenakan oleh penyair wanita.

Sastera BH mendapatkan pandangan ahli akademik dan sarjana untuk mendapatkan pencerahan sejauh mana kemajuan penyair wanita dalam genre puisi daripada kaca mata mereka, sekali gus jangkaan masa depan mereka.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah & Penyelidikan), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Sohaimi Abdul Aziz, berkata ‘percaturan’ penyair lelaki dan wanita dalam menentukan tema serta makna memperlihatkan jurang perbezaan yang tinggi apabila dibuat perbandingan.

## Karya lelaki tuntut reaksi khayalak

“Penyair wanita lebih banyak bermain dengan perasaan dan menghasilkan puisi bersifat peribadi sehingga tidak gemar mengangkat persoalan besar.

“Hal ini berbeza dengan penyair lelaki yang menghasilkan puisi yang menuntut

khalayak pembaca untuk memberikan reaksi kepada karya mereka,” katanya kepada Sastera BH di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sohaimi menganggap penyair lelaki akan terus mendominasi pentas puisi walaupun beliau mengakui sehingga kini belum ada satu pun data konkrit yang mengeksahkan penguasaan mereka dalam genre itu.

“Sekiranya penyair wanita lebih konsisten dalam penulisan dan mengambil formula yang memerlukan karya untuk dikongsi bersama masyarakat, mempersempitkan isu penting dan membuka minda, ‘jurang jantina’ pasti dapat didekati,” katanya.

Apabila ditanya mengenai penyair wanita yang dapat ‘menyaingi’ penyair lelaki, Sohaimi hanya menamakan dua saja, iaitu Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write), Prof Dr Siti Zainon Ismail dan Datuk Dr Zurinah Hassan.

## Kebangkitan bermula dari dalam

Sementara itu, Felo Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Arbak Othman menyarankan penulis wanita perlu bangkit dan bergerak seiring dengan penyair lelaki yang menonjol dengan mendorong diri menyertai sayembara dan peraduan menuis secara lebih aktif.

“Memang sukar untuk pihak lain mengerakkan penyair wanita supaya bergerak seiring dengan penyair lelaki kerana ia perlu datang daripada diri mereka sendiri.

“Saya lihat antara cara terbaik untuk meningkatkan kualiti puisi adalah menyertai sayembara kerana ia dapat membantu dalam menghasilkan karya yang berkualiti dan mengesankan,” katanya.

Pada masa sama, Arbak menolak sentimen jantina seperti media

cetak termasuk majalah sastera lebih mengutamakan penulis lelaki kerana beranggapan peluang sama rata sudah diberikan, sekali gus terpulang kepada mereka menggunakan peluang sedia ada.

## Angkat isi identiti, warisan

“Penyair wanita tidak pernah terhalang daripada semua laluan media di negara kita. Barangkali idea dan fikiran yang lebih ditumpukan dalam mesej dan tema tidak mencergaskan pemikiran pembaca, menyebabkan karya sebegini tidak diberi perhatian.

“Penyair wanita perlu mengutamakan penulisan karya yang mengangkat perkara lebih penting seperti menegakkan identiti dan warisan bangsa, nilai moral serta isu kebahasaan, sekali gus tidak tertumpu kepada puisi pengalaman yang berunsur emosi semata-mata,” katanya.

Arbak mengakui dunia kepenyairan wanita mempunyai wirananya tersendiri seperti Zurinah yang boleh dijadikan sebagai kayu ukur dalam legasi penulisan puisi wanita.

Soalan sama turut diajukan kepada Arbak mengenai penyair wanita yang dianggap mampu ‘menduduki’ singgahsana seperti penyair lelaki, beliau hanya menamakan Zuriyah.



Zurinah Hassan

## INFO

### Pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) Kategori Kumpulan

#### Puisi

- 2013: Datuk Dr Anwar Ridhwan, *Tercipta Dari Tanya*
- 2012: Dr Ramzah Dambul, *Alien Mencari Cinta*
- 2010/2011: Marzuki Ali, *Khazanah Segala Rimbun*
- 2008/2009: Tiada pemenang
- 2006/2007: Siti Zaleha Hashim, *Kristal di Bulan Madu*
- 2004/2005: Prof Emeritus Dr Muhammad Haji Salleh, *Salju Shibuya*
- 2002/2003: Sahrurizam Abdul Talib, *Bahasa Senjata*
- 2000/2001: Zainal Abidin Suhaili (Abizai), *Membentuk Elok di Teluk Esok*

### Sayembara Penulisan ITBM-PENA-BH

- Pertama: Ridzuan Harun, *Negeri Kunang-Kunang*
- Kedua: Rahimidin Zahari, *Laut Tujuh Gelombang Buih*
- Ketiga: Dr Shamsudin Othman, *Taman Maknawi*

### Pemenang Hadiah Sastera Darul Ta’zim (Kategori Kumpulan Puisi)

- 2013: Shapiai Mohd Ramly, *Aku Ingin Berbekabekab Denganmu*
- 2011: Dr Shamsudin Othman, *Taman Nurani*
- 2009: Shapiai Mohd Ramly, *Kris Sebilah Itu*
- 2007: Dr Shamsudin Othman, *Taman Percakapan*
- 2005: Zaharah Nawawi, *Warna dan Wajah*
- 2003: Anismas AR, *Anggur Kehidupan*
- 2001: Tiada Pemenang